

The logo for the Kuala Lumpur Women's Super League is a black rectangle with white text. The text is arranged in three lines: "KUALA LUMPUR" at the top, "WOMEN'S" in a large, bold, sans-serif font in the middle, and "SUPER LEAGUE" at the bottom.

KUALA LUMPUR  
**WOMEN'S**  
SUPER LEAGUE

**PERATURAN PERTANDINGAN**

**KUALA LUMPUR**

**WOMEN SUPER LEAGUE**

**(KLWSL) 2023**

Anjuran:  
KL Women Football Management &  
ALIGUE Sports Industry

## **MANUAL KUALA LUMPUR WOMEN SUPER LEAGUE (KLWSL)**

**ARTIKEL 1 : TAFSIRAN AM / REPRESENTASI**

**ARTIKEL 2 : PEMATUHAN PERTANDINGAN DAN HADIAH KEMENANGAN**

**ARTIKEL 3 : PERATURAN TEKNIKAL**

**ARTIKEL 4 : PENGURUSAN DAN ORGANISASI KELAB**

**ARTIKEL 5 : HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN**

## ARTIKEL 1 : TAFSIRAN AM / REPRESENTASI

### 1.1 TAFSIRAN AM

- 1.1.1. Selaras dengan tafsiran Statut Peraturan Pertandingan Bolasepak '**Kuala Lumpur Women Super League 2023**', melainkan jika kandungan ayat menghendaki makna yang lain, pemakaian Peraturan Kuala Lumpur Women Super League musim semasa akan mengguna pakai tafsiran-tafsiran berikut:-
- 1.1.2. "KLWSL" adalah satu pertandingan Liga Bolasepak Wanita Kuala Lumpur untuk musim 2023 yang dianjurkan oleh KL Women Football Management (KLWFM) bersama Aligue Sports Event (ALIGUE) selaku rakan kerjasama beserta sokongan Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (PBKL)
- 1.1.3. "Sekretariat/Jawantankuasa/Pegawai/Komisioner Perlawanan/Krew" bermakna pegawai atau kakitangan pertandingan KLWSL semasa.
- 1.1.4. "Bolasepak" bermakna permainan Bolasepak mengikut Undang-Undang Permainan yang disiarkan oleh FIFA, AFC atau FAM serta tertakluk kepada Peraturan KLWSL.
- 1.1.5. "Delegasi Rasmi Pasukan" bermakna rombongan yang mewakili sesebuah Kelab ke Perlawanan KLWSL atau perwakilan (PTR-Pasukan Tuan Rumah; PL-Pasukan Pelawat).
- 1.1.6. "Jurugambar Rasmi/Media Rasmi" bermakna pihak yang dilantik oleh KLWSL untuk merakamkan gambar/video perlawanan.
- 1.1.7. "Kawasan Akses Terhad" bermakna Field Of Play dan Official Area.
- 1.1.8. "Peraturan KLWSL" bermakna Statut KLWSL, Peraturan, atau mana-mana peraturan yang telah diluluskan oleh Sekretariat KLWSL dan termasuklah Undang-undang Kecil, Kaedah, Prosedur, Garis Panduan, syarat-syarat khas, Kontrak, Perjanjian Pengelolaan Perlawanan, Akujanji, Pekeliling, siaran, surat rasmi atau apa-apa arahan secara bertulis yang dikeluarkan oleh KLWSL dari masa ke semasa yang berkaitan dengan pengurusan atau pengelolaan Aktiviti Liga KLWSL.
- 1.1.9. "Pendaftaran atau mendaftar" bermakna Pendaftaran Kelab, Pegawai, Pemain yang berdaftar dengan KLSWL atau didaftarkan dalam "*Team List*" dan borang khas bagi Pegawai sebelum Perlawanan Liga KLWSL dengan mematuhi Peraturan KLWSL.
- 1.1.10. "Perjanjian Penyertaan" bermakna satu perjanjian yang ditandatangani di antara Kelab dan KLWSL dengan menyatakan tanggungjawab yang hendaklah dipatuhi oleh Kelab dan jika gagal mematuhi perjanjian ini, maka Kelab tersebut dikenakan tindakan mengikut Peraturan KLWSL.

## **1.2 REPRESENTASI**

### **1.2.1 PERJANJIAN PENYERTAAN KELAB, PEGAWAI DAN PEMAIN YANG MENYERTA LIGA MALAYSIA.**

- i. Obligasi dan tanggungjawab mematuhi Peraturan Kelab dan terutamanya menghindarkan diri daripada perbuatan rasuah, mengatur keputusan Perlawanan KLWSL dan terlibat dalam kesalahan perkauman Kelab oleh Pegawai dan Pemain yang menyertai Liga KLWSL yang terkandung di dalam Akujanji / Perjanjian Penyertaan hendaklah difahami, dipatuhi dan ditandatangani oleh Pengurus atau Setiausaha bagi pihak Kelab sebelum atau pada tarikh tutup pendaftaran KLWSL.
- ii. Hanya Perjanjian yang asal sahaja yang diiktiraf

### **1.2.2 TANGGUNGJAWAB**

- i. Kelab, Pegawai, Pemain, Penyokong atau Penonton atau sesiapa sahaja yang menyertai atau melibatkan diri dengan sebarang Aktiviti Liga KLWSL, tidak boleh membuat sebarang tuntutan ganti rugi atau membawa apa-apa pertikaian, kilanan atau apa-apa keputusan yang telah dibuat oleh Sekretariat KLWSL mengikut Statut KLWSL ke mahkamah melainkan diperuntukkan secara khusus dalam Statut KLWSL. Apa-apa pertikaian, kilanan atau apa-apa keputusan yang telah dibuat oleh pihak terbabit hendaklah dikemukakan kepada bidang kuasa KLWSL.

## **ARTIKEL 2 : PEMATUHAN PERTANDINGAN DAN HADIAH KEMENANGAN**

### **2.1 PEMATUHAN PERTANDINGAN**

- 2.1.1 Peraturan ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh Kelab, Pegawai dan Pemain. Kejujuran dan keikhlasan untuk mematuhi semua Peraturan KLWSL di dalam pengelolaan dan pengurusan Liga KLWSL adalah menjadi tanggungjawab dan bertanggungjawab kepada Kelab, Pegawai dan Pemain.
- 2.1.2 Mana-mana Kelab, Pegawai atau Pemain yang mengingkari mana-mana Perkara, di dalam Peraturan Pertandingan Liga KLWSL boleh dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan atau hukuman- hukuman seperti berikut:
  - i. Amaran atau amaran keras.
  - ii. Kelab boleh dikenakan denda maksimum RM3,000.00; Pegawai boleh dikenakan denda maksimum RM1,000.00; Pemain boleh dikenakan denda maksimum RM500.00; manakala denda minimum bagi Kelab, Pegawai dan Pemain adalah seperti yang ditetapkan oleh Sekretariat KLWSL. Jika Kelab, Pegawai atau Pemain gagal menjelaskan denda pada tarikh yang ditetapkan, maka Kelab, Pegawai dan Pemain tidak boleh menyertai Aktiviti Bolasepak KLWSL walaupun tempoh penggantungan telah tamat.
  - iii. Kelab dikira kalah dengan jaringan 0-3 dan 0 mata dan kemenangan diberikan kepada Kelab yang satu lagi dengan 3 mata dan jaringan gol 3-0 atau jaringan semasa Perlawanan dihentikan atau Perlawanan tamat atau yang mana lebih.

- iv. Memotong minimum 3 mata Perlawanan Kelab.
  - v. Penggantungan Kelab untuk beberapa Perlawanan atau musim atau musim-musim berikutnya.
  - vi. Kelab terkeluar daripada Liga KLWSL dan semua Perlawanan terdahulu tidak dikira serta digantung automatik sekurang-kurangnya 2 tahun atau 2 musim.
  - vii. Apa-apa tindakan atau tindakan-tindakan lain yang difikirkan perlu dan patut oleh Sekretariat KLWSL.
- 2.1.3 Kelab hendaklah bertanggungjawab dan memikul tertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesalahan yang dilakukan oleh Kelab, Pegawai, Pemain, Penyokong atau Penonton atau Kelab, apabila melanggar Peraturan KLWSL yang berkaitan dengan penyertaan Kelab, Pegawai, Pemain, Penyokong atau Penonton atau Kelabnya dalam Aktiviti Bolasepak KLWSL.
- 2.1.4 Maksimum 4 orang Pegawai Teknikal dan 1 orang Pegawai Bukan Teknikal serta 7 orang Pemain simpanan dibenarkan duduk di bangku simpanan pada mana-mana Perlawanan dalam Liga KLWSL.
- 2.1.5 Pegawai yang duduk di bangku simpanan hendaklah sentiasa memakai Kad Akreditasi yang dikeluarkan oleh KLWSL.
- 2.1.6 Kad Akreditasi yang hilang atau rosak, hendaklah dilaporkan segera kepada KLWSL dan pengeluaran setiap lesen baru akan dikenakan caj RM100.00.
- 2.1.7 Pegawai Media Kelab (maksimum 2 orang) hendaklah dihantar kepada Unit Media KLWSL untuk semakan dan pengesahan. Pengurusan Media Kelab bagi Perlawanan-Perlawanan hendaklah diuruskan dengan sempurna mengikut syarat-syarat Peraturan Media KLWSL.

## 2.2 KEWANGAN - HADIAH KEMENANGAN

2.2.1.1 Hadiah keseluruhan yang ditawarkan bernilai **RM30,000.00** berbentuk wang tunai, piala, pingat dan barangan (*in-kind*).

2.2.1.2 Kategori hadiah adalah seperti berikut:-

- i. Juara
- ii. Naib Juara
- iii. Tempat ke-3
- iv. Tempat ke-4
- v. Pemain Terbaik (*Queen of The Match*)
- vi. Penjaring Terbanyak
- vii. Pemain Muda Terbaik
- viii. Penjaga Gol Terbaik
- ix. Pengurus Terbaik
- x. Jurulatih Terbaik

2.2.1.3 Sekretariat KLWSL berhak memotong hadiah wang tunai jika Pegawai atau Pemain Kelab gagal menjelaskan atau membayar denda yang dikenakan oleh Sekretariat KLWSL atau membayar lain-lain tanggungan kewangan Kelab yang tertunggak.

### ARTIKEL 3 : PERATURAN TEKNIKAL

#### 3.1 PENYERTAAN DAN PEMBENTUKAN PASUKAN

- 3.1.1 Pertandingan adalah **TERBUKA** kepada pemain-pemain wanita berumur **14 Tahun** dan ke atas dan dilahirkan pada atau selepas **1 Januari 2007**.
- 3.1.2 Setiap pasukan boleh mendaftar **Minimum 18 pemain** dan **Maksimum 25 pemain**.
- 3.1.3 Pendaftaran Pengurusan Pasukan adalah **maksimum 5 orang**.
- 3.1.4 Ketua Jurulatih (**WANITA ADALAH DIGALAKKAN**) bagi pasukan-pasukan yang menyertai wajib mempunyai sekurang-kurangnya minimum 'Lesen "D" FAM' atau yang setaraf dan diiktiraf oleh FAM. (**Salinan Lesen Kejurulatihan perlu disertakan**).
- 3.1.5 Pemain hendaklah mewakili **SATU** pasukan sahaja dan tiada pertandingan nama berlaku di dalam dua pasukan yang berbeza bertanding dalam Liga KLWSL.
- 3.1.6 Nama yang didaftarkan melalui BORANG PEMAIN adalah **MUKTAMAD**. Kelab hanya boleh membuat pertukaran atau penambahan pemain ketika Jendela Perpindahan (*Transfer Window*) di buka. Kelab tidak boleh mendaftarkan pemain yang telah didaftarkan bermain di liga yang sama (Liga KLWSL) bagi musim semasa.
- 3.1.7 Kelayakan dan Kriteria Pemain
- i. Warganegara Malaysia (Pemegang MyKad)
  - ii. Kelab boleh mendaftarkan maksimum 4 Pemain Kebangsaan Malaysia (skwad senior) dan hanya 3 orang Pemain Kebangsaan sahaja boleh berada di dalam padang pada satu masa. Pemain yang dikategorikan sebagai **PEMAIN KEBANGSAAN** adalah mereka yang mewakili Skwad Senior Kebangsaan untuk pertandingan Sukan SEA 2023.
  - iii. Tiada had limitasi bagi Pemain Bukan Warganegara yang bermastautin dan menetap di Malaysia. Walau bagaimanapun Pemain Bukan Warganegara yang hendak didaftarkan untuk bermain di dalam Liga KLWSL 2023 **WAJIB** mempunyai **VISA / PAS & PERMIT KERJA / PAS PELAJAR (Sekolah / Kolej / Universiti atau yang setara dengannya) / MyPR yang SAH** dari Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi Pemain Bukan Warganegara yang **TIDAK** menetap di Malaysia. Kelab boleh mendaftarkan **maksimum 2 Pemain Bukan Warganegara**.

## 3.2 FORMAT PERTANDINGAN

- 3.2.1 Perlawanan adalah secara liga **SATU PUSINGAN**.
- 3.2.2 Kelab yang menang akan mendapat 3 mata; Kelab yang seri akan mendapat 1 mata; Kelab yang kalah akan mendapat 0 mata.
- 3.2.3 Empat pasukan yang mendapat mata tertinggi selepas tamat semua perlawanan liga layak keperingkat Suku Akhir.
- 3.2.4 Jika terdapat DUA (2) atau lebih Kelab mendapat mata yang sama, maka penentuan kedudukan Kelab teratas hendaklah mengikut susunan hirarki seperti berikut:-
- i. Kelab yang mendapat mata yang tertinggi, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - ii. Kelab yang mempunyai perbezaan gol terbanyak, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - iii. Kelab yang mempunyai jumlah jaringan gol terbanyak, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - iv. Kelab yang mendapat jumlah mata yang terbanyak di antara Kelab-Kelab terlibat (*Head to Head*), jika masih sama, ditentukan oleh;
  - v. Kelab yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak di antara Kelab-Kelab terlibat, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - vi. Kelab yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak di antara Kelab-Kelab terlibat, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - vii. KLWSL, tertakluk kepada kelulusan Sekretariat KLWSL, dimana keputusannya adalah MUKTAMAD.
- 3.2.5 Dalam Pertandingan kalah mati atau Perlawanan Akhir 1 pusingan, penentu pemenang adalah mengikut hirarki berikut:-
- i. Kelab yang menang dalam Perlawanan penuh masa permainan 80 minit; jika seri;
  - ii. Masa tambahan diberikan 0minit hingga ke 10 minit pada setiap separuh masa; jika seri;
  - iii. Kelab yang menang sepakan dari tanda penalti mengikut Peraturan FIFA.
- 3.2.6 Dalam Pertandingan kalah mati atau Perlawanan Akhir yang diadakan secara timbal balik, , penentu pemenang adalah mengikut hirarki berikut:-

- i. Kelab yang mempunyai jumlah jaringan gol terbanyak; dan jika sama;
- ii. Jaringan gol di venue pihak lawan dikira berganda; jika sama;
- iii. Masa tambahan diberikan 0 minit hingga ke 10 minit pada setiap separuh masa; jika seri;
- iv. Kelab yang menang sepakan dari tanda penalti mengikut Peraturan FIFA.

### 3.3 PENGGANTIAN PEMAIN

- 3.3.1 Penggantian Pemain ialah maksimum 5 orang di dalam masa permainan termasuk masa tambahan, kecuali ditetapkan berlainan oleh Sekretariat KLWSL. Pemain yang telah digantikan tidak boleh menyertai semula permainan termasuklah untuk membuat sepakan dari tanda penalti.
- 3.3.2 Bilangan Pemain pengganti yang ditetapkan oleh Sekretariat KLWSL untuk disenaraikan adalah maksimum 7 orang Pemain dan ini berkuatkuasa dalam sesuatu Perlawanan termasuk masa tambahan. Nama Pemain- Pemain simpanan ini hendaklah didaftarkan sebelum permainan bermula di dalam pendaftaran *Team List*.

### 3.4 PERLAWANAN YANG DIHENTIKAN

- 3.4.1 Pengadil berhak untuk memberhentikan permainan kerana kelakuan Penyokong atau Penonton, Pegawai atau Pemain sesuatu Kelab yang tidak memuaskan atau atas sebab-sebab keselamatan seperti faktor cuaca, membaling objek atau faktor-faktor lain yang boleh mendatangkan bahaya kepada semua pihak yang terlibat, maka:-
  - i. Perlawanan tersebut hendaklah dihentikan permainannya serta merta dan kedua-dua Kelab hendaklah menunggu permainan untuk dimainkan semula (tempoh maksimum masa menunggu 15 minit separuh masa pertama dan 15 minit separuh masa kedua).
  - ii. Jika dalam masa menunggu 15 minit, permainan boleh dimainkan, maka Perlawanan tersebut akan dimainkan dengan jumlah baki masa permainan dan keputusan perlawanan ketika permainan dihentikan.
  - iii. Jika selepas 15 minit maksimum masa menunggu tamat dan Pengadil berpendapat permainan tidak dapat diteruskan, maka Pengadil hendaklah memaklumkan keputusan tersebut kepada Sekretariat Pertandingan KLWSL, Pegawai Perlawanan, Pengurus atau Penolong Pengurus atau Ketua Jurulatih atau Penolong Ketua Jurulatih kedua-dua Kelab. Keputusan perlawanan semasa adalah muktamad (**Tiada Perlawanan Tertunda Akan Diadakan**).
  - iv. Jika Kelab (Pegawai, Pemain dan/atau Penyokong) yang menyebabkan Perlawanan tersebut dihentikan (seperti melakukan provokasi melampau, pergaduhan, dan merusuh). Pengadil berhak memberhentikan perlawanan daripada terus dimainkan. Dan segala bentuk keputusan perlawanan dan hukuman akan dibawa ke Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.



- v. Jika kedua-dua Kelab adalah terlibat sehingga menyebabkan permainan dihentikan, Sekretariat KLWSL akan mengenakan tindakan atau tindakan-tindakan mengikut Perkara yang terkandung dalam Manual Pertandingan Liga KLWSL.

### **3.5 KELEWATAN**

- 3.5.1 Kelab mestilah tiba di venue selewat-lewatnya 30 minit sebelum masa Perlawanan.
- 3.5.2 Sekiranya pasukan lawan lewat hadir ke hari perlawanan, kiraan masa akan diambil. Masa perlawanan 15 minit (1-0) dan masa perlawanan 25 minit (2-0) dengan syarat Minimum 9 orang pemain pasukan yang hadir haruslah berada di tengah padang. Kegagalan mematuhi syarat tersebut akan menyebabkan jaringan gol tidak akan dikira.
- 3.5.3 Sekiranya salah satu pasukan tidak cukup 11 pemain di atas padang untuk melakukan sepak mula. Perlawanan separuh masa pertama masih boleh dimainkan dengan syarat pasukan tersebut dapat menyenaraikan Minimum 7 pemain di atas padang. Memasuki sepak mula separuh masa kedua, pasukan tersebut WAJIB mempunyai 11 pemain di atas padang. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pasukan tersebut diisytiharkan kalah dengan jaringan 3-0 atau jaringan semasa separuh masa pertama diguna pakai (keputusan Sekretariat KLWSL adalah MUKTAMAD).
- 3.5.4 Jika pasukan lawan gagal hadir pada hari perlawanan, pasukan yang hadir akan memenangi perlawanan tersebut dengan jaringan gol 3-0, dan berhak untuk menggunakan padang sehingga habis slot masa. PERINGATAN, pasukan yang menang tetap harus membayar kos padang dan pengadil seperti biasa.
- 3.5.5 Bagi pasukan yang gagal hadir, yuran padang pada hari tersebut akan ditolak secara automatik dari deposit sekuriti pasukan tersebut. Pasukan perlu menjelaskan semula yuran deposit sekuriti yang telah ditolak yakni 3 hari sebelum hari perlawanan yang berikunya. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pasukan tersebut tidak akan dibenarkan untuk beraksi dan kemenangan percuma (3-0) akan diberikan kepada pihak lawan.

### **3.6 PENARIKAN DIRI PASUKAN**

- 3.6.1 Setiap Kelab yang telah membuat pendaftaran pemain tidak boleh sewenang-wenangnya menarik diri di dalam kejohanan KLWSL. Mana-mana Kelab yang menarik diri dalam tempoh 3 minggu sebelum pertandingan dimulakan atau selepas perlawanan pertama atau sebelum pertandingan berakhir; dianggap telah menarik diri daripada menyertai pertandingan ini dan boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-
  - i. Semua keputusan perlawanan terdahulu terbatal dan dianggap tidak sah. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, semua mata dan jaringan dalam perlawanan yang telah dimainkan terdahulu tidak akan diambil kira.
  - ii. Wang cagaran tidak akan dikembalikan.
  - iii. Kelab boleh dikenakan hukuman penggantungan 1 tahun atau 1 musim bermain di liga anjuran KLWSL dan hebahan mengenai penarikan tersebut beserta hukuman akan di laporkan di Media sosial KWSL.

- iv. Bagi Kelab yang menarik diri sebelum pertandingan berlangsung mengikut Perkara 3.6.1, Pemain yang telah didaftarkan TIDAK LAYAK untuk didaftarkan sebagai pemain untuk Kelab lain pada musim tersebut kecuali jika ada Jendela Perpindahan dibuka.

### **3.7 UNDIAN DAN JADUAL PERTANDINGAN**

- 3.7.1 Undian Kelab/Pasukan ke dalam kumpulan-kumpulan dan peringkat kalah mati hendaklah seperti yang diputuskan oleh KLWSL dan ianya adalah MUKTAMAD.
- 3.7.2 Sekretariat KLWSL mempunyai hak untuk mengubah tarikh dan tempat perlawanan mengikut budi bicaranya.
- 3.7.3 Setiap pasukan yang bertanding TIADA HAK untuk memohon menunda perlawanan melainkan asas-asas yang kukuh seperti bencana alam melibatkan negara, darurat yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan dibenarkan.

### **3.8 PAKAIAN DAN ALATAN ASAS YANG DIWAJIBKAN**

- i. Set jersi (*home and away*) dan bernombor.
- ii. Seluar pendek/seluar thermal.
- iii. Stokin panjang.
- iv. Shinguard.
- v. Inner/thermal tight mestilah berwarna hitam.

### **3.9 PENDAFTARAN (*TEAM LIST*) DAN BILANGAN PEMAIN YANG MENCUKUPI**

- 3.9.1 Bagi semua Kelab hendaklah mendaftar maksimum 18 dan minimum 15 orang Pemain termasuk minimum 2 orang Penjaga Gol dalam *Team List*
- 3.9.2 Setiap pasukan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya, 7 orang pemain di dalam padang, sebelum sepak mula dimulakan. Jika kurang daripada itu, pasukan tersebut dikira kalah dengan jaringan 3-0.
- 3.9.3 Lima belas minit (15 minit) sebelum perlawanan bermula, setiap pasukan hendaklah mengemukakan BORANG SENARAI PEMAIN (*TEAM LIST*) yang mengandungi senarai nama penuh pemain, nombor kad pengenalan berserta catitan nombor jersi. Setiap pemain diwajibkan membuat pemeriksaan di meja urusetia bagi sesi VERIFY PLAYER. Pasukan hendaklah menyerahkan senarai 11 orang pemain utama dan 7 pemain simpanan berserta Kad Akreditasi untuk tujuan pengesahan oleh Sekretariat KLWSL.

### **3.10 BOLA PERLAWANAN (MATCH BALL)**

3.10.1 Sekretariat KLWSL akan menyediakan bola perlawanan (*Match Ball*) untuk semua perlawanan.

### **3.11 BANTAHAN**

3.11.1 Bantahan terhadap kelayakan Pemain atau lain-lain bantahan hendaklah dihantar secara bertulis (menggunakan borang bantahan rasmi pertandingan KLWSL) dalam tempoh 48 jam selepas tamatnya Perlawanan berkenaan dan bantahan tersebut hendaklah disertai dengan wang tunai atau membayar melalui e-perbankan dengan syarat menyertakan salinan slip pembayaran berjumlah RM500.00 yang akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya. Pasukan yang membuat bantahan perlu mengemukakan bahan bukti (contoh: gambar) kesalahan kepada Sekretariat KLWSL.

3.11.2 Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang telah diputuskan oleh Pengadil di venue perlawanan.

3.11.3 Jawatankuasa pertandingan akan bermesyuarat dan memutuskan setiap keputusan yang dibantah. SETIAP KEPUTUSAN YANG DIPUTUSKAN ADALAH MUKTAMAD.

### **3.12 TINDAKAN TATATERTIB PEMAIN**

3.12.1 Mana-mana pemain yang dikenakan kad kuning tiada denda dikenakan. Manakala pemain yang dikenakan kad kuning kedua dan seterusnya "KAD MERAH" Akan digantung 1 perlawanan berserta denda RM50.00. Manakala Pemain yang dikenakan 'DIRECT KAD MERAH' akan didenda RM100.00 dan pergantungan 2 perlawanan liga.

3.12.2 Bagi penerima kad merah atas kesalahan berat seperti bertumbuk, mengeluarkan kata-kata kesat, menunjukan isyarat lucah kepada pemain, pengadil atau penonton, pemain tersebut akan digantung permainan sehingga Jawatankuasa Tatatertib memutuskan keputusan. Keputusan Jawatankuasa pertandingan adalah MUKTAMAD.

3.12.3 Peraturan 2 kad kuning terkumpul, pemain perlu digantung 1 pada perlawanan seterusnya.

3.12.4 Lain-lain tindakan kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kod Tatatertib FAM.

## **ARTIKEL 4 : PENGURUSAN DAN ORGANISASI KELAB**

### **4.1 YURAN**

4.1.1 Setiap Kelab dikehendaki untuk menjelaskan bayaran penuh yuran pendaftaran dan wang cagaran bersama-sama borang Pendaftaran Kelab mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh Sekretariat KLWSL .

Yuran Pendaftaran Kejohanan	: RM600.00
Wang Cagaran (Security Deposit)	: RM600.00

- 4.1.2 Yuran setiap perlawanan (RM350.00) untuk setiap Kelab, perlu dijelaskan mengikut mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Sekretariat KLWSL.
- 4.1.3 Wang Cagaran penuh (RM600.00) akan dikembalikan dalam tempoh 1 minggu setelah Kelab tamat bermain semua perlawanan jika tiada penolakan denda yang dikenakan ke atas Kelab.

## 4.2 KELAB, PEGAWAI DAN PEMAIN

- 4.2.1 Setiap Kelab, Pegawai dan Pemain yang mengesahkan penyertaan Pertandingan Liga KLWSL hendaklah mematuhi syarat-syarat penyertaan Liga KLWSL.
- 4.2.2 Kelab hendaklah mengendalikan taklimat atau majlis penerangan mengenai Aktiviti Liga KLWSL kepada lain-lain Pegawai dan semua Pemain Kelabnya sebelum bermula Liga KLWSL.
- 4.2.3 Setiap Pegawai dan Pemain hendaklah didaftarkan dengan mengisi Borang Pendaftaran Biodata Individu bersertakan **SATU (1) keping gambar berukuran passport** dan **SATU (1) salinan Kad Pengenalan (berwarna)** manakala Pemain Bukan Warganegara menyertakan dokumen seperti di Perkara 3.1.7 dan dihantar mengikut format yang diberikan oleh Sekretariat KLWSL.
- 4.2.4 Kelab, Pegawai dan Pemain yang telah mengesahkan penyertaan mestilah bertanggungjawab dan memastikan:
  - i. Mematuhi semua Peraturan KLWSL.
  - ii. Bersetuju menerima semua keputusan mengenai pengurusan pentadbiran dan pengelolaan Liga KLWSL yang telah ditetapkan oleh Sekretariat KLWSL serta lain-lain Jawatankuasa Tetap atau Badan Kehakiman yang berkaitan dengan Aktiviti Liga KLWSL.
  - iii. Mematuhi semua keputusan Pengadil dan lain-lain keputusan atau sebarang keputusan yang dibuat oleh lain-lain Pegawai Pertandingan serta menyelesaikan masalah atau rungutan mengenai pengelolaan Liga KLWSL berasaskan semangat kesefahaman, kerjasama dan kesukanan yang tinggi serta berpandukan Peraturan KLWSL.
- 4.2.5 Melaksana dan menegakkan prinsip *Fair Play* sepanjang Perlawanan di dalam Liga KLWSL.
- 4.2.6 Kelab mestilah bertanggungjawab ke atas kelakuan Pegawai, Pemain, Penyokong atau Penonton atau sesiapa sahaja yang melibatkan diri dalam Aktiviti Liga KLWSL bagi pihak Kelabnya atau mana-mana orang yang diberikan kuasa atau tugas terhadap Kelab sepanjang masa penyertaan dalam Liga KLWSL.
- 4.2.7 HILANG ATAU ROSAK HARTA BENDA
  - i. KLWSL tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan, kerosakan atau kecederaan keatas pemain-pemain, pegawai-pegawai atau penonton-penonton yang terlibat semasa pertandingan berlangsung.
  - ii. Segala kecederaan fizikal, mental dan harta benda; atas sebab pergaduhan atau pun sebab-sebab yang lain adalah tanggungjawab pasukan sepenuhnya. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada mana-mana pihak.

- 4.2.8 Kelab hendaklah memastikan kawasan persekitaran pertandingan dalam keadaan bersih.
- 4.2.9 Menghindarkan atau terlibat dalam amalan rasuah, mengatur keputusan Perlawanan atau daripada melakukan kesalahan perkauman.

### 4.3 MEDIA MASSA (PERCETAKAN, ELEKTRONIK DAN DIGITAL)

#### 4.3.1 KENYATAAN AKHBAR atau SIDANG MEDIA.

- i. Semua pasukan termasuk Pegawai dan Pemain **TIDAK DIBENARKAN** membuat sebarang kenyataan akhbar dengan apa jua tujuan sekalipun mengenai pengurusan dan pengelolaan Liga KLWSL 2023 kecuali dengan kebenaran Jawatankuasa Pertandingan.
- ii. Jawatankuasa Tatatertib Pertandingan Liga KLWSL akan mengambil tindakan tegas jika didapati mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain yang mengingkari Peraturan ini.

4.3.2 Jika terdapat sebarang masalah, kekeliruan ataupun perselisihan faham, pihak yang terlibat mestilah dengan secara rasmi memaklumkan kepada Sekretariat Pertandingan Liga KLWSL untuk tindakan lanjut atau menggunakan lain-lain prosedur yang ditetapkan.

#### 4.3.3 Kenyataan akhbar termasuklah:

- i. Memanggil sidang akhbar khas.
- ii. Memberi kenyataan secara lisan atau bertulis kepada media cetak atau elektronik.
- iii. Sedar akan kehadiran pihak media semasa membuat kenyataan.
- iv. Terdapat dengan jelas nama Pegawai Perlawanan atau Pemain atau jawatan yang secara khusus didalam media cetak atau elektronik.

4.3.4 Mana-mana kelab yang melanggar peraturan Perkara 4.3 boleh dikenakan tindakan seperti berikut;

- i. Untuk kesalahan pertama, denda maksimum RM600.00 dan amaran pertama dikeluarkan kepada Kelab.
- ii. Untuk kesalahan kedua, denda maksimum RM1,500.00 dan amaran kedua dikeluarkan kepada Kelab.
- iii. Untuk kesalahan ketiga, denda maksimum RM2,000.00 dan pemetongan tiga mata dikenakan kepada Kelab.
- iv. Untuk kesalahan keempat seperti berikut;
  - a. Pegawai pasukan; dilarang masuk ke kawasan *venue* pertandingan untuk tempoh 6 bulan dan maksimum 1 tahun.
  - b. Pemain; penggantungan dari perlawanan untuk tempoh 6 bulan dan maksimum 1 tahun

#### 4.3.5 HAK IMEJ

- i. Pegawai Kelab hendaklah membenarkan gambar dan video mereka digunakan oleh KLWSL bagi tujuan sebarang iklan perdagangan atau mempromosi Aktiviti Liga KLWSL.
- ii. Pasukan, Pemain dan Pegawai bersetuju bahawa KLWSL mempunyai hak untuk menggunakan dan/atau memberi kuasa kepada orang lain untuk menggunakan rekod, nama, tanda dagangan dan/atau imej, termasuk imej dan/atau gambaran imej yang masih dan/atau bergerak, termasuk tanpa batasan, Pasukan, Pemain, Pegawai, Stadium, dan peralatan pasukan untuk tujuan perdagangan, bukan komersial, promosi dan/atau editorial atau selainnya bebas daripada sebarang royalti atau pampasan, berkaitan dengan Liga KLWSL dan/atau eksploitasi semua hak yang berkaitan dengan Liga.

#### 4.3.6 HAK PENYIARAN DAN RAKAMAN

- 4.3.6.1 Pasukan, Pemain dan Pegawai mengakui bahawa KLWSL adalah pemilik semua hak yang berkaitan dengan siaran, penggambaran dan/atau rakaman Liga Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa penggambaran dan/atau rakaman yang dibuat berhubung dengan mana-mana Padanan dan/atau eksploitasi hak-hak tersebut oleh Penaja.
- 4.3.6.2 Pasukan, Pemain dan Pegawai tidak boleh melakukan apa-apa tindakan yang akan menghalang dan/atau melanggar Hak Media yang diberikan kepada Penaja (iaitu Penyiar) dan bersetuju untuk mematuhi semua arahan dan peraturan KLWSL berhubung dengan pelaksanaan hak tersebut oleh Penaja.
- 4.3.6.3 Pasukan berhak untuk menghasilkan rakaman mereka sendiri untuk perlawanan yang melibatkan mereka dengan maksimum satu (1) kamera dan tertakluk kepada kelulusan bertulis KLWSL terlebih dahulu. Rakaman yang diluluskan hanya untuk tujuan analisis dan teknikal dan bukan untuk tujuan komersial. Mana-mana Pasukan, Pemain dan Pegawai jika didapati melanggar kategori Penyiaran dan Rakaman boleh dikenakan denda (RM1,500.00).
- 4.3.6.4 Penyiar Rasmi boleh mengadakan penggambaran bilik persalinan pasukan sebelum perlawanan di bawah pengawasan KLWSL selepas persiapan Jersi Pasukan iaitu sebelum ketibaan Pemain.

### 5.1 HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

- 5.1.1 Selain dari tafsiran dan peraturan di atas, Jawatankuasa Penganjur (KLWSL) adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran Liga KLWSL dan Undang-undang Kerajaan Malaysia semasa yang berkaitan dengan pengelolaan dan pengurusan aktiviti sukan. Semua hal yang tidak diperuntukan di bawah Peraturan ini atau sebarang pengecualian mengenai pematuhan Peraturan ini atau semua Perkara-Perkara di luar jangka atau mengenai perbezaan tafsiran atau mengenai sebarang tafsiran Perkara-Perkara di dalam Peraturan dan Undang-Undang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penganjur. Keputusan jawatankuasa penganjur adalah MUKTAMAD.